

Penduduk mahu dialog dengan MRT diteruskan

Damansara: Penduduk Jalan Pinggir Zaaba, Taman Tun Dr Ismail (TTDI), di sini, meminta Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) mengadakan lebih banyak pertemuan dengan mereka sebelum meneruskan projek transit aliran massa Lembah Klang (KVMRT) Sungai Buloh-Kajang.

Beri penduduk gambaran jelas

Pertemuan itu antara lain bagi membolehkan masyarakat setempat mendapat gambaran lebih jelas berhubung projek yang dijadualkan bermula Disember ini.

“
Menerusi perbincangan dengan MRT Corp, penduduk boleh dapatkan banyak maklumat tambahan projek terbabit”

Norliza Kamaruddin,
Wakil penduduk

Wakil penduduk, Norliza Kamaruddin, berkata pihaknya percaya menerusi pertemuan dari semasa ke semasa, satu jalan penyelesaian mampu dicapai antara penduduk dan MRT Corp memandangkan projek terbabit akan melalui depan kawasan perumahan mereka.

“Di sini ada 69 rumah dan kami mendapati pembinaan MRT kira-kira enam meter dari pintu pagar utama rumah dan ini akan menyukarkan penduduk untuk meletakkan kereta di hadapan rumah masing-masing.

“Beberapa kali sebelum ini, pihak MRT Corp ada membuat pertemuan dengan penduduk, namun kami berharap lebih banyak pertemuan diadakan supaya penduduk akan mendapat gambaran lebih jelas sebelum bermulanya pembinaan MRT,” katanya, di sini, semalam.

Norliza berkata, beliau percaya menerusi perbincangan dengan MRT Corp itu, penduduk juga boleh mendapatkan banyak lagi maklumat tambahan mengenai projek terbabit.